

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RMK 251 Undang-Undang 1

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan: SATU daripada Bahagian A, DUA daripada Bahagian B dan DUA daripada Bahagian C.

Jawapan bagi soalan-soalan dari Bahagian C hendaklah dibuat dalam Kertas/Buku berasingan.

BAHAGIAN A

1. (a) Bagaimanakah Undang-Undang Malaysia digubalkan?

(5 Markah)

(b) Secara ringkas terangkan tentang sistem kehakiman yang dipraktikkan di negara ini. Nyatakan fungsi dan skop tanggungjawab setiap jenis mahkamah yang ada.

((15 Markah)

BAHAGIAN B

2. (a) Secara ringkas huraikan elemen-elemen penting untuk sesuatu kontrak yang sah.

(15 Markah)

(b) A dan B bersetuju tentang jualan rumah B kepada A dengan harga \$100,000. Perjanjian yang dibuat menyatakan bahawa jualan ini adalah "tertakluk kepada kontrak". B tiba-tiba menjual rumah tersebut kepada C dengan harga \$120,000. Nasihatkan A di dalam hal ini.

(5 Markah)

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "Doktrin Kekecewaan"? Berikan kes-kes yang relevan untuk menyokong hujah-hujah anda tentang perkara ini.

(15 Markah)

- (b) S telah menerima wang pendahuluan sebanyak \$1,000 daripada jumlah \$5,000 yang telah dipersetujui oleh S dan T supaya S memperbaiki bumbung rumah T. Kerja ini sepatutnya bermula seminggu daripada tarikh S menerima wang pendahuluan tersebut. Malangnya bumbung rumah T terbakar sehari sebelum kerja bermula.

S enggan membaikpulih bumbung rumah T.

T menuntut wang pendahuluan daripada S dan S enggan memulangkannya. Nasihati S dan T.

(5 Markah)

4. (a) Apakah ciri-ciri sesuatu perkongsian? Nyatakan perkara-perkara penting yang perlu dimasukkan di dalam sesuatu ikatan perjanjian perkongsian.

(15 Markah)

- (b) A adalah salah seorang daripada 3 ahli perkongsian yang aktif di dalam sebuah firma perunding yang terkenal.

A ialah seorang pemabuk dan terbabit di dalam suatu pergaduhan di khalayak ramai. A telah dihadapkan ke mahkamah dan dihukum dengan \$3,000. A telah membayar denda tersebut tetapi pihak media massa telah memberi publisiti yang luas tentang peristiwa ini. Nama firma perundingan tersebut telah tercemar.

Walaupun telah didesak, namun A tidak mahu berhenti menjadi ahli perkongsian.

Apakah opsyen bagi ahli-ahli lain di dalam hal ini?

(5 Markah)

...3/-

BAHAGIAN C

5. (a) Jelaskan tentang ciri-ciri utama tort dan nyatakan perbezaan undang-undang tort dengan kesalahan yang bersabit dengan undang-undang jenayah dan kontrak.

(6 Markah)

- (b) "Tanggungjawab menjaga (Duty of Care) dan gantirugi (Damages) merupakan dua aspek yang amat penting di dalam tort kecuiaan".

Bincangkan ulasan tersebut dan kaitkan penjelasan anda dengan tumpuan terhadap kes-kes yang relevan.

(14 Markah)

6. (a) Bincangkan bentuk tanggungan seseorang penghuni kediaman terhadap:-

(i) Kanak-kanak kecil;

(ii) Kontraktor yang dibayar untuk memperbaiki genting bumbung;

(8 Markah)

- (b) Jelaskan tentang pertahanan-pertahanan (Defences) yang boleh dikemukakan di dalam suatu tindakan tort. Kaitkan jawapan anda dengan tumpuan terhadap kes-kes yang relevan.

(12 Markah)

7. (a) Bincangkan tentang prinsip-prinsip yang terdapat di dalam kes Hedley Byrne & Co. Ltd. vs. Heller & Partners Ltd.

(10 Markah)

- (b) Syarikat Pemaju HBP Sdn. Bhd. telah melantik firma Arkitek Architeam untuk menyediakan pelan tataatur untuk suatu sekim perumahan di Pulau Pinang. Firma Arkitek tersebut telah pun mengemukakan pelan tataatur kepada pihak Majlis Perbandaran dalam jangka masa 2 bulan. Walau bagaimanapun, setelah tempoh 2 tahun berlalu, pelan tataatur sekim perumahan Syarikat Pemaju HBP Sdn. Bhd. masih belum mendapat kelulusan

daripada pihak Majlis Perbandaran.

Nasihati Syarikat Pemaju HBP Sdn. Bhd. tentang remedi-remedi yang terdapat dari segi tort kecuiaan profesional terhadap firma Arkitek Architeam.

(10 Markah)

-ooo00ooo-